

ESD Percepat Kelulusan Permit Kerja Ekspatriat - Najib

Bernama

Jun 19, 2014

PUTRAJAYA, 19 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak Khamis melancarkan Bahagian Perkhidmatan Ekspatriat (ESD), bagi memperkemaskan dan meningkatkan khidmat penyampaian Imigresen untuk ekspatriat.

ESD itu akan bertindak sebagai pusat sehenti untuk ekspatriat bagi mengemukakan semua urusan ekspatriat berkaitan imigresen dan sebuah platform data bersepadu, katanya.

Berucap pada majlis pelancaran di sini, Najib berkata ESD akan mempercepatkan proses kelulusan permit kerja bagi ekspatriat, lebih daripada sebulan kepada lima hari bekerja.

ESD, satu inisiatif bagi menarik dan mengekalkan bakat asing yang terkemuka, akan menawarkan khidmat bersepadu, meliputi semua keperluan ekspatriat, termasuk Pas Pekerja, Pas Tanggungan, Pas Lawatan Sosial, Pas Lawatan Profesional dan Pas Residen.

"Dengan proses baharu yang diperkenalkan, pelabur dan perniagaan utama akan mengalami peningkatan yang ketara dalam mendapatkan kelulusan untuk permit kerja.

"Pada masa lalu, pihak syarikat perlu menunggu lebih daripada sebulan untuk mendapatkan kelulusan bagi pas pekerjaan. Melangkah ke depan, Imigresen akan mengabadikan lima hari bekerja dalam piagam pelanggan untuk memproses permohonan pas pekerja oleh syarikat-syarikat yang berdaftar dengan ESD," katanya.

Najib, yang juga Menteri Kewangan, berkata model ESD di sini akan digunakan di negeri-negeri lain, bermula dengan Johor dan Pulau Pinang manakala sistem perkhidmatan akan diperluaskan untuk meliputi agensi yang meluluskan ekspatriat seperti Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC).

"Adalah penting supaya kerajaan dan majikan utama untuk terus bekerja rapat bagi

memastikan perkhidmatan kita kekal relevan dan responsif kepada keperluan anda, memandangkan perniagaan memacu transformasi ekonomi kita," katanya.

Sambil mengakui bahawa bakat adalah ramuan penting kepada transformasi ekonomi Malaysia, perdana menteri berkata adalah penting untuk menarik pekerja mahir dari luar negara terutama dalam ekonomi global yang terus berkembang dan terbuka seperti Malaysia," katanya.

"Bakat asing membantu menangani jurang kemahiran dan melahirkan khidmat bakat berpengalaman dan pelbagai. Jadi kami akan terus berusaha untuk menarik bakat luar yang terbaik untuk tinggal dan bekerja di Malaysia," katanya.

Najib berkata lebih daripada 2,000 ekspatriat terkemuka yang diluluskan untuk mendapat Pas Residen, merupakan pekerja-pekerja golongan mewah yang memberi sumbangan kepada pembangunan dan pertumbuhan negara yang tiada tandingan.

Transformasi ESD dilaksanakan melalui kerjasama di antara Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Imigresen dan TalentCorp, menandakan satu lagi pencapaian dalam meningkatkan khidmat penyampaian awam dalam perkhidmatan imigresen.

Najib juga menyaksikan pertukaran memorandum persefahaman (MoU) di antara Jabatan Imigresen dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), menandakan kerjasama secara rasmi antara agensi-agensi terbabit bagi memastikan prosedur imigresen yang lancar dan selamat.

Perdana Menteri juga menyertai sesi dialog dengan pemimpin-pemimpin dewan perniagaan asing dan korporat terkemuka berhubung usaha memudahkan pengekalan bakat asing terkemuka di Malaysia.

Turut hadir Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan ketua pengarah Imigresen Datuk Aloyah Mamat.

Sementara itu, Aloyah berkata kini terdapat 2,861 syarikat telah berdaftar secara online untuk ESD dan daripada jumlah itu, 513 permohonan ditapis sementara 197 permohonan 'roll-out completed'.

"Buat masa kini, perkhidmatan ESD hanya di Ibu Pejabat Imigresen Putrajaya. Setelah stabil di Putrajaya, kita akan perluaskan ke Johor dan Pulau Pinang sebagaimana yang diumumkan perdana menteri tadi," katanya.

Aloyah berkata sehingga April tahun ini, Jabatan Imigresen telah mengeluarkan 90,432 pas pengajian, peningkatan kira-kira 48 peratus berbanding tahun lepas iaitu 61,113 pas.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1047714>